

# PM luang masa makan tengah hari di Kampung Baru

mls: 2

RH  
-10/12/2022

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meluangkan masa menikmati sajian makan tengah hari bersama pengunjung di sebuah kedai makan di Kampung Baru, semalam.

Perdana Menteri yang tiba jam 12.45 tengah hari, meluangkan masa kira-kira 15 minit menjamu selera sebelum bergerak ke Masjid Jamek Kampung Baru untuk menunaikan solat Jumaat.

Turut menemani beliau, Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Ia adalah kunjungan pertama Anwar ke masjid berkenaan sejak mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri ke-10 pada 24 November lalu.

Anwar menyertai ribuan jemaah di masjid berkenaan untuk solat Jumaat, selain beramah mesra dengan orang ramai.

Masjid Jamek Kampung Baru terkenal dalam kalangan penduduk setempat terutama dengan keunikan sajian bubur lambuk yang diedar kepada orang ramai setiap kali Ramadan.



Anwar dan Johari bersama pengunjung menikmati makan tengah hari di Kampung Baru, semalam.

(Foto BERNAMA)